

**TERMA DAN SYARAT KEMPEN “CUSTOMER RETENTION PROGRAM” AR RAHNU  
BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD (“AGROBANK”) (811810-U)**

**1. Kelayakan**

- 1.1 Kempen “Customer Retention Program” Ar Rahnu (“Kempen”) terbuka kepada pelanggan-pelanggan Ar Rahnu yang baru dan sedia ada (“Pelanggan”) yang bermastautin di Malaysia sahaja;
- 1.2 Kakitangan Agrobank sama ada tetap atau kontrak adalah tidak layak menyertai Kempen ini;
- 1.3 Pelanggan layak untuk membuat lanjutan lebih dari satu akaun;
- 1.4 Jumlah pinjaman mestilah sama dengan sebelumnya ketika lanjutan dibuat;
- 1.5 Transaksi pinjaman RM100 dan ke atas adalah layak untuk menyertai Kempen ini;

**2. Tempoh Kempen**

- 2.1 Tempoh sah Kempen adalah dari 1 Mac 2018 sehingga 28 Februari 2019 (“Tempoh Kempen”).
- 2.2 Agrobank berhak untuk mengubah atau meminda Tempoh Kempen mengikut budi bicara Agrobank.

**3. Pemilihan Pemenang**

- 3.1 Dalam menentukan para pemenang Kempen, sistem Mata Terkumpul (MT) digambarkan seperti di bawah. Bagi setiap satu (1) MT, Pelanggan akan berpeluang untuk menyertai satu cabutan. Oleh itu, semakin banyak akaun Ar-Rahnu Pelanggan dikekalkan dengan Agrobank sepanjang Tempoh Kempen, semakin tinggi peluang untuk menang.

JUMLAH PINJAMAN	MATA TERKUMPUL
RM100 – RM10,000	Lima (5) MT
RM10,001 – RM20,000	Sepuluh (10) MT
RM20,001 dan ke atas	Dua Puluh (20) MT

- 3.2 Sekiranya penjelasan/penebusan dibuat sebelum tarikh cabutan iaitu pada bulan September 2019, Pelanggan adalah tidak layak untuk menyertai Kempen ini.

3.3 Pelanggan dengan jumlah kutipan MT di akhir Tempoh Kempen akan berpeluang menyertai cabutan seperti berikut:

### 3.3.1 Cabutan

3.3.1.1 Calon akan disenarai pendek secara rawak melalui sistem pada bulan September 2019.

3.3.1.2 Calon yang telah disenarai pendek dan telah berjaya memenangi satu (1) hadiah di dalam kategori pemenang adalah tidak layak untuk memenangi hadiah lain yang ditawarkan oleh Agrobank.

3.4 Pemenang akan ditentukan oleh jawatankuasa pemilihan pemenang dan sebarang keputusan adalah muktamad. Sebarang surat-menyurat, pertanyaan, rayuan, mahupun bantahan dan pertikaian tidak akan dilayan.

## **4. Notis Pemberitahuan Pemenang**

4.1 Pemenang akan diberitahu melalui surat, e-mel dan/atau panggilan telefon. Nama-nama pemenang akan dipaparkan di laman sesawang Agrobank iaitu [www.agrobank.com.my](http://www.agrobank.com.my) dan/atau di dalam surat khabar yang terpilih.

## **5. Hadiah-hadiah Kempen**

5.1 Kempen ini menawarkan hadiah-hadiah seperti berikut menerusi cabutan:

<b>Hadiah Untuk Dimenangi</b>	<b>Bilangan Pemenang</b>
20 gram Wafer Emas (999)	Tiga (3) pemenang Hadiah Pertama.
10 gram Wafer Emas (999)	Tiga (3) pemenang Hadiah Kedua.
5 gram Wafer Emas (999)	Tiga Puluh (30) pemenang Hadiah Ketiga.
Jumlah Pemenang	Tiga Puluh Enam (36) pemenang untuk sepanjang Tempoh Kempen.

5.2 Hadiah hendaklah didaftarkan di atas nama pemenang (jika berkenaan).

- 5.3 Hadiah tidak boleh dipindah milik atau ditukar (kepada wafer emas yang berbeza saiz, warna, atau model selain daripada wafer emas yang telah ditentukan oleh Agrobank untuk hadiah-hadiah cabutan) dan tertakluk kepada terma dan syarat yang dinyatakan di sini.
- 5.4 Pemenang Kempen ini hendaklah bertanggungjawab ke atas semua cukai, kadar, yuran kerajaan atau apa-apa caj yang boleh dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang, jika berkenaan.
- 5.5 Sebaik sahaja wafer emas telah didaftarkan di bawah nama pemenang, pemenang hendaklah bertanggungjawab terhadap semua perkara-perkara yang berkaitan dengan wafer emas berkenaan dan Agrobank hendaklah dilepaskan daripada apa-apa liabiliti atau tanggungjawab ke atas wafer emas tersebut.
- 5.6 Agrobank mempunyai hak untuk menggantikan mana-mana hadiah dengan hadiah-hadiah lain yang sama nilai pada bila-bila masa tanpa sebarang notis.

## **6. Tuntutan Hadiah**

- 6.1 Pemenang dikehendaki menuntut hadiah dalam tempoh dua puluh satu (21) hari dari tarikh pengumuman nama-nama pemenang. Hadiah yang tidak dituntut di dalam tempoh yang ditetapkan akan dibatalkan sekiranya pemenang gagal berbuat demikian.
- 6.2 Untuk menuntut hadiah, pemenang mesti mengemukakan kad pengenalan mereka untuk pengesahan dan juga perlu menandatangani borang / pengisyntiharan (jika ada) sebagaimana yang dikehendaki oleh Agrobank.
- 6.3 Di dalam kes kematian di mana Pelanggan adalah pemenang cabutan, tuntutan hadiah hanya boleh dibuat oleh benefisiari kepada simati di dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh kematian tertakluk kepada tempoh benefisiari tersebut mengemukakan dokumen-dokumen sebagaimana yang dikehendaki oleh Agrobank.
- 6.4 Jika pemenang didapati tidak memenuhi syarat-syarat untuk mengambil bahagian dalam Kempenni setelah menebus hadiah yang dimenangi, Agrobank berhak untuk membatalkan atau mengambil semula hadiah dan menganugerahkan hadiah tersebut kepada pemenang yang lain tertakluk kepada keputusan Agrobank.

## **7. Pengesahan dan Penguatkuasaan**

- 7.1 Agrobank berhak untuk menukar atau meminda mana-mana aspek di dalam Kempen atau mana-mana bahagian di dalam terma dan syarat ini tanpa notis terlebih dahulu.
- 7.2 Agrobank berhak untuk membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen ini dengan atau tanpa notis terlebih dahulu. Bagi mengelakkan keraguan, pembatalan, penamatan atau penggantungan terhadap Kempen ini oleh Agrobank, Pelanggan adalah tidak layak untuk membuat sebarang tuntutan atau pampasan daripada Agrobank untuk mana-mana kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan secara langsung atau tidak langsung terhadap pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut.
- 7.3 Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, Pelanggan adalah dianggap telah membaca dan memahami serta bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat ini beserta terma dan syarat dari agensi yang dilantik. Pelanggan tidak memberarkan Agrobank untuk mendedahkan butir-butir Pelanggan kepada pihak lain yang secara langsung atau tidak langsung menganjur serta mempromosikan Kempen ini.
- 7.4 Agrobank mempunyai hak eksklusif untuk mengumumkan atau memaparkan nama-nama dan gambar-gambar pemenang untuk tujuan pengiklanan dan publisiti. Kepunyaan dalam bentuk borang kempen (jika ada), nama-nama dan gambar-gambar pemenang adalah milik Agrobank.
- 7.5 Agrobank tidak akan bertanggungjawab terhadap mana-mana kecederaan atau kehilangan nyawa dan barang-barang berharga atau mana-mana kerosakan walau apa pun atau bagaimana jua pun yang dialami atau ditanggung secara berterusan oleh Pelanggan yang timbul atau akibat langsung atau tidak langsung secara keseluruhan atau sebahagian daripada penyertaan atau hadiah yang dimenangi dalam Kempen ini atau sebagai akibat dari tindakan atau peninggalan dari bahagian Agrobank. Agrobank tidak akan bertanggungjawab terhadap mana-mana kegagalan untuk melaksanakan mana-mana tanggungjawab yang berkaitan dengan Kempen ini disebabkan oleh kejadian alam semulajadi, perang, rusuhan, mogok, tindakan industri, kebakaran, banjir atau mana-mana situasi di luar kawalan Agrobank.

- 7.6 Selain dari terma dan syarat khusus Kempen yang dinyatakan di sini, terma dan syarat lain yang termaktub di dalam terma dan syarat Ar Rahnu Agrobank hendaklah diguna pakai.
- 7.7 Sekiranya terdapat ketidakselarasan di antara terma dan syarat ini dengan mana-mana risalah, bahan-bahan pemasaran atau promosi yang berkaitan dengan Kempen atau promosinya, terma dan syarat ini hendaklah diguna pakai.

\*\*\*\*\*

Untuk maklumat lanjut, sila kunjungi cawangan Agrobank atau lawati laman sesawang kami di [www.agrobank.com.my](http://www.agrobank.com.my).